

Tarikh : 12 Disember 2024

No. Rujukan : EK91180001

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN SEMULA MSPO KE ATAS HILIR OIL PALM SDN BHD

Hilir Oil Palm Sdn Bhd telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "Malaysian Sustainable Palm Oil" (MSPO), MS 2530:2022 di unit pengurusanannya.

MSPO MS 2530:2022 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2022 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut:

1.	Nama unit pengurusan	: Hilir Oil Palm Sdn Bhd
2.	Tarikh mula audit	: 20 Januari 2025
3.	Tarikh akhir audit	: 23 Januari 2025
4.	Lokasi audit	: Batu 7, Jalan Changkat Jong, 36007 Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan.
5.	Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	: 1,219.46 Ha
6.	Standard yang digunakan	: MSPO 2530-3-2:2022
7.	Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran	: 1) Rozaimie Ab Rahman 2) Rohazimi Mat Nawi

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 20 Januari 2025**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar,


Kamini A.P. Sooriamoorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian:

Cik Kamini A/P Sooriamoorthy

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan

SIRIM QAS International Sdn Bhd

No. 1, Persiaran Dato' Menteri

Section 2, 40700 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

No. Tel: 03-5544 6119 | E-mel: kamini@sirim.my / syazwani@sirim.my

MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO Di : Hilir Oil Palm Sdn Bhd

Saya merujuk kepada surat bertarikh untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

☐ Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

☐ Isu berkaitan pematuhan undang-undang	Sila huraikan : _____ _____ _____
☐ Isu berkaitan aspek sosial	Sila huraikan : _____ _____ _____
☐ Isu berkaitan alam sekitar	Sila huraikan : _____ _____ _____
☐ Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan	Sila huraikan : _____ _____ _____
☐ Lain-lain	Sila huraikan : _____ _____ _____

☐ Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama : _____
Jawatan : _____
No. telefon : _____
Alamat e-mel : _____

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....
Nama : _____
Alamat : _____
No. Tel. : _____